BAHAGIAN G:	MAKLUMAT AHLI KONGSI

G1

Ruang G1 adalah khusus untuk maklumat ahli kongsi utama.

(a) Isikan nama ahli kongsi utama.

(b) Negara mastautin di mana ahli kongsi tersebut bermastautin. Gunakan kod negara yang disediakan di muka surat 15 nota penerangan ini atau Lampiran E.

Contoh: Jika negara mastautin adalah Malaysia, isikan kod negara 'MY'.

M	Y

(c) (i) Isikan no. pengenalan / pasport / pendaftaran perkongsian / syarikat dalam ruang yang berkenaan. Potong yang mana tidak berkenaan.

(ii) Isikan nombor cukai pendapatan, masukkan OG, SG, C atau sebagainya (yang mana berkenaan) dalam 2 petak pertama, diikuti dengan no. cukai pendapatan di ruang yang disediakan.

Contoh: i) **OG 03443217010**

O	G

No. Cukai Pendapatan: OG/SG/TA/TC/TP/F/J/C/CS/D/TR/PT/TN

0	3	4	4	3	2	1	7	0	1	0

ii) **C 01234567810**

	C

No. Cukai Pendapatan: OG/SG/TA/TC/TP/F/J/C/CS/D/TR/PT/TN

0	1	2	3	4	5	6	7	8	1	0

(d) Isikan maklumat jika berkenaan:

(i) Tarikh masuk perkongsian bagi ahli kongsi baru dalam tahun semasa.

(ii) Tarikh keluar perkongsian bagi ahli kongsi yang keluar perkongsian dalam tahun semasa.

Sekiranya ahli kongsi tersebut masuk dan keluar perkongsian beberapa kali dalam tahun yang sama, masukkan tarikh pertukaran yang terakhir.

(e) Isikan maklumat jika berkenaan:

(i) Isikan **bahagian** ahli kongsi mengikut cara pembahagian yang ditentukan oleh perkongsian.

Contoh: Ahli kongsi A menerima pembahagian pendapatan **2/3**.
'2' adalah **bahagian** ahli kongsi dan '3' adalah **asas pembahagian** perkongsian.

Isikan bahagian ahli kongsi A dalam ruang seperti di bawah.

(i)

2

(ii) Isikan nombor untuk jenis manfaat yang diterima oleh ahli kongsi dalam ruang yang disediakan.

Contoh: Ahli kongsi A menerima komisen dan manfaat kenderaan daripada perkongsian.

(ii)

1	3	

(f) Pendapatan berkanun / kerugian larasan (perniagaan utama sahaja)

Pendapatan berkanun perniagaan dikira seperti berikut:

Perniagaan Utama

f(i) :	(A)	Pendapatan / Kerugian boleh dibahagi *(Amaun dari A1 Borang CP30)*	xxxxx
		Tambah:	
	(B)	Manfaat Ahli Kongsi *(Amaun dari A12 Borang CP30)*	xxx
	(C)	Pendapatan larasan *(Amaun dari A13 Borang CP30). Jika rugi larasan, masukkan '0' dan teruskan pengiraan di ruang D hingga I.*	xxxxx
		Tambah:	
	(D)	Kenaan imbangan *(Amaun dari A14 Borang CP30)*	xx
	(E)	Jumlah (C + D)	xxxxx
		Tolak:	
	(F)	Elaun imbangan dan Elaun modal *(Amaun dari A15 Borang CP30, terhad kepada amaun di E)*	xx
	(G)	**Pendapatan Berkanun** (E – F)	**xxxxx**
		Jika layak menuntut Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak, teruskan dengan pengiraan di bawah:	
		Tolak:	
	(H)	Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak *(Amaun dari A16 Borang CP30)*	xx
	(I)	**Pendapatan Berkanun selepas tolakan Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak** (G – H)	**xxxxx**
f(ii) :		Jika amaun dari A13 Borang CP30 merupakan kerugian larasan, **isikan amaun kerugian larasan di f(ii).**	

G2 – G6

Isikan maklumat yang berkenaan bagi ahli kongsi kedua dan seterusnya seperti format di G1 di ruang G2 hingga G6 (jika ada).

Kemukakan lampiran tambahan jika bilangan ahli kongsi lebih daripada enam (6) orang.